

az-Zuhri daripada Atha', katanya: Saya mendengar Abu Ayyub (meriwayatkan) daripada Nabi s.a.w. sama seperti itu.⁵⁰⁵

Islam yang tidak menganggap salah membinanya dengan menghala ke arah qiblat. Kerana itulah Abu Ayyub dan sahabat-sahabatnya beristighfar.

⁵⁰⁵ Di sini Bukhari r.a. bermaksud menyatakan bahawa dengan sanad tadi juga Zuhri meriwayatkan daripada 'Atha'. Ertinya ialah wau pada *وَعَنِ الزُّهْرِيِّ* adalah wau 'athaf. Dengan itu ia tidak boleh dianggap sebagai riwayat secara ta'liq. Selain itu Bukhari r.a. juga mahu menguatkan riwayat yang telah dikemukakannya secara 'an'anah dengan riwayat kedua ini di mana 'Atha' dengan jelas menyatakan dia telah mendengar Abu Ayyub (التصريح بالسماع) meriwayatkan hadits ini. Kesimpulannya ialah Zuhri meriwayatkan hadits ini dua kali kpd Sufyan. Sekali secara 'an'anah dan sekali pula secara التصريح بالسماع. Kata Kirmani memanglah التصريح بالسماع lebih kuat daripada عنعنة tetapi riwayat Zuhri ini dha'if kerana ia hanya dibawa oleh Bukhari r.a. secara ta'liq. Sekali pandang memang benar kata Kirmani itu. Tetapi hadits ini pada hakikatnya bukan mu'allaq. Ia adalah hadits musnad dan dikemukakan juga oleh Imam Ahmad bin Hambal di dalam Musnadnya.

بَابُ قَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى (وَاتَّخِذُوا مِنْ مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى)

3- Bab Firman Allah Ta'ala: "Dan Jadikanlah Tempat Sembahyang Bermula Dari Maqam (Nabi) Ibrahim."⁵⁰⁶

٣٨١ - حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ دِينَارٍ قَالَ سَأَلْنَا ابْنَ عُمَرَ عَنْ رَجُلٍ طَافَ بِالْبَيْتِ الْعُمْرَةَ وَلَمْ يَطُفْ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ أَيَّامِي أَمْرَأَتُهُ فَقَالَ قَدِيمُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَطَافَ بِالْبَيْتِ سَبْعًا وَصَلَّى خَلْفَ الْمَقَامِ رَكْعَتَيْنِ وَطَافَ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ وَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ وَسَأَلْنَا جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ فَقَالَ لَا يَقْرُبُهَا حَتَّى يَطُوفَ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ

381- Al-Humaidi meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Amar bin Dinar meriwayatkan kepada kami, katanya: Kami telah bertanya Ibnu 'Umar tentang orang yang telah berthawaf di Baitillah untuk umrah tetapi belum bersa'i di antara Safa dan Marwah, adakah dia boleh mendatangi (menyetubuhi) isterinya? Ibnu 'Umar menjawab: "Setelah

⁵⁰⁶ Ada beberapa tujuan Bukhari di sebalik mengadakan bab ini. Antara lainnya ialah: (1) Menyatakan bahawa perintah di dalam firman Allah: *وَاتَّخِذُوا مِنْ مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى* (dan jadikanlah tempat sembahyang bermula dari Maqam (Nabi) Ibrahim.) itu bukan perintah wajib. Ia tidak lebih dari perintah sunat atau istihbab (elok dilakukan) sahaja. Kerana itulah daripada tiga hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini, hanya satu hadits sahaja menunjukkan Baginda s.a.w. bersembahyang di belakang Maqam Ibrahim. Itupun dengan tetap menghadap kepada Ka'bah. (2) Menegaskan bahawa qiblat sebenarnya ialah Ka'bah itu sendiri. Sembahyang dikehendaki dilakukan dengan menghadap ke arahnya, tidak kira sama ada dari arah Maqam Ibrahim atau dari arah-arrah yang lain. (3) Menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul daripada perintah di dalam ayat di atas tentang khususnya Maqam Ibrahim sebagai tempat permulaan untuk bersembahyang di sekitar Ka'bah. Padahal sebenarnya ia tidak khusus dengannya. Ini kerana Maqam Ibrahim yang tersebut di dalam ayat tadi telah ditafsirkan dengan berbagai-bagai tafsiran yang lain. Misalnya Ibnu Abbaas, 'Athaa' dan Mujahid berpendapat ia adalah Masjidil Haram kesemua sekali atau ia adalah tanah haram kesemua sekali. Ibnu 'Abbaas juga dilaporkan berkata: "Tempat-tempat mengerjakan haji seperti 'Arafah, Muzdalifah, Mina dan lain-lain semuanya adalah Maqam Ibrahim. (4) As-Sindi berkata: "Perintah bersembahyang bermula daripada (belakang) Maqam Ibrahim itu khusus dengan sembahyang dua raka'at thawaf." Ia wajib atau sunat dikerjakan selepas seseorang selesai berthawaf di Ka'bah. (5) Pada pandangan penulis, perintah di dalam ayat di atas adalah bersifat irsyadi (إرشادي). Maksudnya ialah pada ketika terdapat ramai orang sedang berthawaf, eloklah semua sembahyang dilakukan bermula dari belakang Maqam Ibrahim supaya tidak terganggu orang-orang yang sedang berthawaf itu. Tetapi dalam keadaan biasa ketika tidak ramai orang berthawaf boleh juga sembahyang dikerjakan di mana-mana bahagian di sekeliling Ka'bah, walaupun di bahagian atas daripada Maqam Ibrahim iaitu di kawasan-kawasan orang berthawaf (مطاف). (6) Menyatakan tempat sebenar Maqam Ibrahim itu ialah di mana ia berada sekarang ini. Ia tidak terletak rapat dengan Ka'bah seperti yang dida'wa oleh sesetengah golongan yang menyeleweng. Kononnya Saiyyidina 'Umar r.a. telah memandai-mandai meletakkannya di tempat yang anda lihat hari ini! Kata mereka "Tempat sebenarnya amat rapat dengan Ka'bah, bukan di tempat yang kita lihat sekarang!!" Bayangkan, jika benar ia terletak terlalu rapat dengan Ka'bah, tentulah orang-orang yang bersembahyang di belakangnya akan terganggu dengan orang-orang yang berthawaf. Perebutan tempat untuk orang-orang bersembahyang dan berthawaf akan menimbulkan suasana haru-biru dan kacau-bilau yang sama sekali tidak sesuai untuk ibadat. Keadaan tentu sekali berbeza apabila kedudukan Maqam Ibrahim ialah ditempat yang ada pada hari ini. Inilah tempat sebenarnya bermula daripada zaman Nabi Ibrahim hinggalah ke zaman Nabi kita Muhammad s.a.w., zaman Abu Bakar, 'Umar dan seterusnya hingga ke zaman kita ini. Orang-orang yang menganggap Maqam Ibrahim terletak berdempet dengan Ka'bah sebenarnya terkeliru dengan sesetengah riwayat yang zahirnya menampilkan begitu, padahal ia hanya menceritakan kedudukan sementara Maqam Ibrahim selepas banjir besar yang berlaku pada beberapa zaman di dalam sejarah. Al-Azraqi dengan beberapa isnadnya yang sahih telah mengemukakan fakta di atas di dalam kitabnya "Akhbar Makkah Wa Ma Ja'a Fiha Min Al-Aatsar".

Nabi s.a.w. tiba (di Mekah), Baginda berthawaf di Baitillah tujuh kali, bersembahyang di belakang makam (Ibrahim) dua raka'at⁵⁰⁷ dan bersa'i di antara Safa dan Marwah. Sesungguhnya pada Rasulullah s.a.w. itu ada contoh yang baik untuk kamu."⁵⁰⁸ Kami bertanya (pula) Jabir bin 'Abdillah. Beliau menjawab: "Dia tidak boleh sama sekali mendekatinya (menyetubuhinya)⁵⁰⁹ sebelum bersa'i di antara Safa dan Marwah."⁵¹⁰

٣٨٢ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ سَيْفٍ يَعْنِي ابْنَ سُلَيْمَانَ قَالَ سَمِعْتُ مُجَاهِدًا قَالَ أَتَى ابْنُ عُمَرَ فَقِيلَ لَهُ هَذَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ الْكَعْبَةَ فَقَالَ ابْنُ عُمَرَ فَأَقْبَلْتُ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ خَرَجَ وَأَجِدُ بِلَالًا قَائِمًا بَيْنَ الْبَابَيْنِ فَسَأَلْتُ بِلَالًا فَقُلْتُ أَصَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْكَعْبَةِ قَالَ نَعَمْ رَكَعَتَيْنِ بَيْنَ السَّارِيَتَيْنِ اللَّتَيْنِ عَلَى يَسَارِكَ إِذَا دَخَلْتَ ثُمَّ خَرَجَ فَصَلَّى فِي وَجْهِ الْكَعْبَةِ رَكَعَتَيْنِ

382- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya meriwayatkan kepada kami daripada Saif iaitu Ibnu Sulaiman, katanya: Saya mendengar Mujahid bercerita, katanya: "Ada orang datang kepada Ibnu 'Umar lalu berkata kepadanya: "Itu Rasulullah s.a.w. telah masuk ke dalam Ka'bah." Ibnu 'Umar menceritakan: "Maka aku terus pergi, tetapi pada ketika itu Nabi s.a.w. telah pun keluar (daripada Ka'bah). Bagaimanapun aku mendapati Bilal sedang berdiri di antara dua pintu Ka'bah. Lantas aku bertanya (beliau): Adakah Nabi s.a.w. telah bersembahyang di dalam Ka'bah?" Jawab Bilal: "Ya, dua raka'at di antara dua tiang yang berada di sebelah kirimu apabila engkau masuk (ke

⁵⁰⁷ Di sinilah terletak kesesuaian hadits ini dengan tajuk bab di atas. Inilah satu-satunya hadits di bawah bab ini yang memaparkan perbuatan Rasulullah s.a.w. bersembahyang dengan menghadap qiblat tetapi dari belakang Maqam Ibrahim.

⁵⁰⁸ Dengan mengemukakan perbuatan Nabi s.a.w. ini Ibnu 'Umar mahu mengisyratkan kepada kewajipan mengikut Nabi s.a.w. dalam perkara ibadat, lebih-lebih lagi dalam hal rukun-rukun haji dan 'umrah kerana Nabi s.a.w. telah bersabda: خذوا عني مناسككم (Ambillah daripadaku ibadat haji dan 'umrahmu). Dalam perkara-perkara seperti ini 'aql sedikit sekali dapat dijadikan panduan. Secara tidak langsung beliau menyatakan bahawa bersa'i di antara Safa dan Marwah adalah wajib. Selagi seseorang tidak melakukannya, dia tidak boleh bertahallul daripada ihram 'umrahnya. Oleh kerana Rasulullah s.a.w. sendiri tidak bertahallul (membuka ihramnya) sebelum bersa'i, maka wajiblah kita mengikutinya. Bukankah Allah telah berfirman: Sesungguhnya pada Rasulullah s.a.w. itu ada contoh tauladan yang baik untuk kamu?

⁵⁰⁹ Jabir juga memberi jawapan yang sama dengan jawapan Ibnu 'Umar. Cuma beliau dengan tegas menyatakan tidak boleh bersetubuh sebelum selesai bersa'i di antara Safa dan Marwah. Sebenarnya banyak lagi perkara lain yang diharamkan sebelum seseorang itu bertahallul, tetapi oleh kerana persetubuhan adalah yang terbesar daripadanya, maka Jabir menyebutnya secara khusus.

⁵¹⁰ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Bersa'i adalah sesuatu yang wajib dalam mengerjakan 'umrah. Inilah mazhab sekalian 'ulama' kecuali mazhab Ibnu 'Abbaas dan Ishaq bin Rahawaih yang dinukilkan oleh Qadhi 'Iyaadh, bahawa mereka berdua mengharuskan seseorang yang melakukan 'umrah bertahallul (membuka ihram) selepas berthawaf di Baitillah walaupun dia tidak bersa'i. Tetapi mazhab ini dha'if dan menyalahi sunnah Nabi s.a.w. (2) Thawaf mestilah dengan mengelilingi Ka'bah sebanyak tujuh kali (keliling). (3) Para 'ulama' berbeza pendapat tentang bersembahyang dua raka'at selepas berthawaf. Ada yang mengatakan ia sunat, ada juga mengatakan ia wajib. Sesetengah 'ulama' berpendapat ia sunat jika thawaf yang dilakukan sebelumnya hanya sunat. Tetapi ia wajib jika thawaf sebelumnya adalah thawaf yang wajib.

dalam Ka'bah).⁵¹¹ Kemudian Baginda s.a.w. keluar lalu bersembahyang dua raka'at di muka (di hadapan pintu) Ka'bah."⁵¹²

٣٨٣ - حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ نَصْرٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ أَخْبَرَنَا ابْنُ جُرَيْجٍ عَنْ عَطَاءٍ قَالَ سَمِعْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ قَالَ لَمَّا دَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْبَيْتَ دَعَا فِي نَوَاحِيهِ كُلِّهَا وَلَمْ يُصَلِّ حَتَّى خَرَجَ مِنْهُ فَلَمَّا خَرَجَ رَكَعَ رَكْعَتَيْنِ فِي قُبْلِ الْكَعْبَةِ وَقَالَ هَذِهِ الْقِبْلَةُ

383- Ishaq bin Nashr meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdur Razzaaq meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Juraij meriwayatkan kepada kami daripada Athaa', katanya: Saya telah mendengar Ibnu 'Abbaas mengatakan: Setelah Nabi s.a.w. masuk ke dalam Baitillah, Baginda s.a.w. berdoa di setiap penjuruinya tetapi tidak bersembahyang kecuali setelah keluar daripadanya.⁵¹³ Apabila keluar, beliau s.a.w. mengerjakan dua raka'at sembahyang dengan menghadap (terus) ke hadapan Ka'bah, kemudian bersabda: "Inilah qiblat."⁵¹⁴

⁵¹¹ Para 'ulama' berbeza pendapat tentang hukum bersembahyang di dalam Ka'bah. Imam Bukhari, Abu Hanifah, Malik, Syafi'e, Ahmad dan jumhur 'ulama' berpendapat harus bersembahyang sunat mutlaq di dalam Ka'bah kerana hadits Bilal ini. Tetapi Malik dan Ahmad berpendapat tidak harus bersembahyang fardhu, witr, sunat subuh dan sunat thawaf di dalamnya. Jumhur 'ulama' termasuk Bukhari, juga berpendapat seseorang harus bersembahyang fardhu atau sunat di atas bumbung Ka'bah biar ke arah mana sekalipun dia menghadap. Tetapi Malik dan Ahmad tidak mengharuskannya. Syafi'e pula mensyaratkan untuk sahnya sembahyang seseorang di atas bumbung Ka'bah ialah mesti ada sesuatu sutrah (penghadang) daripada binaan Ka'bah di hadapannya. Asas kepada perbezaan pendapat itu ialah sama ada zat Ka'bah itu sendiri dianggap sebagai qiblah atau tapak tanah dan ruang di mana terletaknya Ka'bah itu, bermula daripada bahagian bawah tanah (petala bumi) hingga ke ruang angkasanya dan sama ada bangunan Ka'bah itu wujud atau tidak wujud di ruangan itu.

⁵¹² Perbuatan Rasulullah s.a.w. bersembahyang di muka (di hadapan) pintu Ka'bah selepas keluar daripadanya jelas menunjukkan bahawa bersembahyang di belakang Maqam Ibrahim atau di tempat yang berdekatan dengannya seperti yang tersebut di dalam firman Allah di atas bukan wajib. Hadits ini juga menyatakan Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang di dalam Ka'bah. Maka ia merupakan satu lagi bukti bahawa tidak wajib bersembahyang di belakang Maqam Ibrahim atau di tempat yang berdekatan dengannya. Jika perintah di dalam ayat itu sememangnya memberi erti wajib, tentulah Rasulullah tidak bersembahyang di dalam Ka'bah atau di hadapan pintunya dengan membelakangi Maqam Ibrahim. **Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah:** (1) Harus (boleh) masuk ke dalam Ka'bah. (2) Elok bersembahyang dua raka'at di dalam Ka'bah jika berkesempatan memasukinya. (3) Elok juga berdoa di dalamnya. (4) Keharusan menghadap ke arah mana sahaja ketika bersembahyang di dalam Ka'bah. (5) Sembahyang yang dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam Ka'bah ialah sembahyang sunat bukan sembahyang fardhu. (6) Sunat bersembahyang dua raka'at selepas keluar daripada Ka'bah. (7) Sembahyang tidak semestinya dikerjakan di belakang Maqam Ibrahim. Ia boleh juga dikerjakan dengan membelakanginya di muka pintu Ka'bah atau di bahagian-bahagian lain asalkan dengan menghadap ke arah Ka'bah. (8) Hadits Bilal ini merupakan hujah yang jelas untuk menolak pendapat 'ulama' seperti Thawus, Ibnu Jarir at-Thabari, Ashbagh dan lain-lain di mana mereka mengatakan bahawa tidak harus bersembahyang di dalam Ka'bah sama ada sembahyang fardhu atau sunat. Pendapat yang benar ialah harus bersembahyang fardhu atau sunat di dalam Ka'bah sama ada dengan berjama'ah atau secara bersendirian. Inilah pendapat Bukhari, Abu Hanifah, Syafi'e, ats-Tsauri dan jumhur 'ulama'. (9) Keharusan menutup pintu Ka'bah setelah memasukinya.

⁵¹³ Hadits Ibnu 'Abbaas ini jelas bertentangan dengan hadits Bilal sebelumnya. Bagaimanapun Ahlul Hadits sepakat mengatakan hadits Bilal lebih patut diutamakan daripada hadits Ibnu 'Abbaas kerana tiga alasan. **Pertama:** Hadits Bilal menyabitkan adanya perbuatan Rasulullah s.a.w. bersembahyang dua raka'at di dalam Ka'bah. Hadits Ibnu 'Abbaas pula menafikannya. Menurut qaedah usul: Dalil yang menyabitkan sesuatu (perlu) diutamakan daripada dalil yang menafikannya. (الْمُثَبِّتُ مُقَدَّمٌ عَلَى النَّافِي). **Kedua:** Atsar-atsar sahabat yang menyatakan Rasulullah s.a.w. telah